

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM**  
**(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PROGRAM IKHTISASS**

221. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bidang-bidang strategik yang menjadi fokus Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan program IKHTISASS, khususnya untuk memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi.

**JAWAPAN:**

- a) Bidang-bidang strategik yang menjadi fokus Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan program IKHTISASS, khususnya untuk memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi:-
1. Pelaksanaan Program IKTISASS berpaksikan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) bakal menjana pertumbuhan ekonomi, sosial dan pembangunan ke arah pendigitalan yang holistik. Perubahan ini dipacu tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal merangkumi simulasi dan realiti maya, integrasi sistem menegak dan melintang, industri *Internet of Things* (IoT), keselamatan siber, pengkomputeran awan, pembuatan bahan tambahan, rantai bekalan, analisis data raya dan robot automasi.
  2. Oleh itu, pelan induk perindustrian Selangor merupakan asas utama sebagai rujukan bagi penyediaan modul pengajian dan latihan sumber tenaga manusia supaya seiring dengan keperluan industri. Bidang utama tersebut ialah seperti *life sciences, food and beverages manufacturing, electrical and electronics, transport equipment dan machinery and equipment*.
  3. Sehingga kini, kerajaan negeri telah mengorak langkah dengan pelaksanaan program-program latihan bagi memenuhi keperluan industri berteknologi tinggi. Antaranya sektor pembuatan pintar (*Smart Manufacturing*), *Big Data Analytics*, pembangunan perisian *Augmented Reality / Virtual Reality*, program *Internet Security and Cloud Content Infrastructure* dalam bidang ICT, *aerospace industry* dan lain-lain lagi.

4. Selain itu, kerajaan negeri serius dalam memaju sektor pembuatan pintar (*Smart Manufacturing*) kerana ia menjadi pemangkin utama bagi mengurangkan kebergantungan sektor pembuatan kepada tenaga kerja asing di Selangor. Industri pembuatan di Selangor merupakan antara sektor yang paling terkesan dalam ledakan revolusi industri 4.0.
5. Justeru melalui inisiatif Program IKTISASS, tahap kemahiran tenaga kerja tempatan dapat dipertingkatkan untuk melaksanakan aktiviti yang lebih bernilai tambah (*value-added*) yang merangkumi keseluruhan keperluan industri seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Negeri Selangor .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : RUMPUT DAN PARIT DI KOMPLEKS SUKAN PANDAMARAN**

222. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Keadaan rumput panjang di Kompleks Sukan Pandamaran sudah tiga bulan walaupun aduan telah dibuat, tetapi masih tiada tindakan dari MPK. Adakah Jabatan Taman mengalami kekangan dalam melaksanakan tugas?
- b) Berapa lamakah aduan seperti ini akan diambil tindakan selepas aduan dibuat?

**JAWAPAN:**

- a) Kerja-kerja penyelenggaraan landskap dan kebersihan Kompleks Sukan Pandamaran Klang seluas 27 ekar pada ketika ini dilaksanakan secara 'in-house'. Pihak Majlis pada ketika ini juga sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan melalui sebutharga agar penyelenggaran dapat dilaksanakan secara berkala dan efisen. Kerja-kerja tersebut telahpun diiklankan oleh pihak Majlis.

Pihak Majlis telah menerima aduan berkenaan perkara ini dan tindakan serta-merta telah diambil. Oleh kerana keluasan kawasan yang sangat besar, tindakan penyelesaian memerlukan tempoh tertentu untuk diselesaikan. Walaubagaimanapun, tindakan pemotongan rumput dan pembersihan telah siap sepenuhnya di tapak pada 9hb November 2018.

- b) Tindakan penyelesaian aduan adalah 14 hari dan padang yang tidak sama rata menyebabkan kerja-kerja pemotongan mengambil masa yang agak panjang untuk selesai sepenuhnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD**  
**(N11 IJOK)**

**TAJUK : TANAH PERKUBURAN ISLAM**

223. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Adakah dalam perancangan Kerajaan Negeri untuk membuka kawasan perkuburan yang baru di kawasan Bukit Cerakah?

**JAWAPAN:**

- b) Tanah perkuburan Islam Bukit Cherakah tersebut mempunyai keluasan lebih kurang lima (5) ekar dan digunakan secara bersama oleh 4 buah kampung berdekatan iaitu Kg. Bukit Cherakah, Kg. Bukit Kuching Tengah Kg. Parit Mahang, serta Kg. Bukit Hijau. Tapak tersebut masih mempunyai baki keluasan 0.7 ekar yang mampu menampung sebanyak 600 pusara bagi tempoh empat (4) hingga lima (5) tahun akan datang.

Terdapat beberapa tapak perkuburan berhampiran yang boleh digunakan untuk mengebumikan jenazah orang Islam antaranya :-

- i. Tapak perkuburan Islam Kampung Bukit Kuching seluas 6 ekar;
- ii. Tapak perkuburan Islam Puncak Alam seluas 20 ekar;
- iii. Tapak Perkuburan Islam Bersepadu Hillpark Puncak Alam seluas 23 ekar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM**  
**(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PEMULIHARAAN & PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG**

224. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pembangunan Sungai Klang selain daripada usaha pemuliharaan yang sedang giat dijalankan?

**JAWAPAN:**

- a) Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor yang telah dilantik sebagai *Master Developer* oleh Kerajaan Negeri bagi projek pembangunan koridor Selangor Maritime Gateway (SMG) sedang giat melaksanakan kerja-kerja awal bagi projek-projek seperti dibawah bersama-sama agensi Kerajaan Negeri yang lain termasuk Pihak Berkuasa Tempatan:-

**I. Penambahbaikan Taman Awam Pengkalan Batu**

Projek penambahbaikan Taman Awam Pengkalan Batu yang berkeluasan kira-kira 15 ekar adalah penting dalam mewujudkan satu mercu tanda yang baru di Bandar Klang sebagai kawasan riadah komuniti.

**II. Pembangunan Mangrove Point.**

Mangrove Point merupakan sebuah projek pembangunan kawasan pemuliharaan hutan paya bakau yang berkeluasan kira-kira 70 ekar yang berada di tebing Sungai Klang, berhampiran dengan Pelabuhan Klang dan akan menyumbang kepada sektor eko-pelancongan di Klang dan Selangor.

Kedua-dua projek seperti yang di atasini amat penting dalam mewujudkan ekosistem perniagaan dan sosial yang baru di Bandar Klang.

**III. River taxi / river cruise**

Perkhidmatan *river cruise* atau *river taxi* ini diketengahkan untuk mewujudkan satu nadi baru bagi menghubungkan jaringan diantara 2 projek sosial seperti yang di atas melalui laluan air sungai. Selain itu, projek ini juga sekali gus akan mentransformasikan sungai sebagai salah satu mod pengangkutan awam.

**IV. Pemuliharaan bekas tapak pelupusan sisa pepejal Telok Kapas seluas kira-kira 100 ekar**

*Leachate* dan gas yang dilepaskan oleh bekas tapak pelupusan ini merupakan salah satu punca utama pencemaran di Sungai Klang. Bagi menangani isu ini, pihak LLSB akan melaksanakan projek pemuliharaan bagi tapak ini dan seterusnya akan membangunkan projek pembangunan bercampur yang akan memberi manfaat kepada Kerajaan Negeri dan penduduk setempat khususnya dari sudut ekonomi, sosial dan alam sekitar

**V. Pembangunan tanah-tanah Kerajaan Negeri di sepanjang Sungai Klang**

Dalam merealisasikan SMG sebagai sumber pendapatan baru Negeri Selangor, tanah-tanah Kerajaan Negeri di sepanjang Sungai Klang yang selama ini terbiar dan terdedah kepada risiko pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab harus dikawal selia dan dimajukan. Segala pembangunan yang akan dilaksanakan di dalam zon pembangunan eksklusif SMG perlu mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Tempatan (RT) dan *Urban Design Guideline* (UDG) SMG yang kini sedang giat dirangka oleh pihak LLSB.

**VI. Peningkatan kualiti hidup dengan meningkatkan jaringan telekomunikasi melalui jajaran Sungai Klang**

Pihak LLSB sedang berbincang dengan beberapa syarikat telekomunikasi dalam meneroka potensi perniagaan baru meningkatkan jaringan telekomunikasi / *connectivity* yang pantas melalui jajaran Sungai Klang sejajar usaha mencapai status Selangor Negeri Pintar menjelang tahun 2025.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : RANCANGAN MASALAH BANJIR DI MERU**

225. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir di DUN Meru?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah perparitan dan longkang?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, kawasan yang sering dilanda banjir di Dun Meru terletak di lembangan Sungai Kapar Kecil dan Sungai Kapar Besar. Satu kajian sistem saliran di Bandar Klang telah dibuat oleh HLA Consultant pada tahun 2009 yang merangkumi tindakan-tindakan yang perlu dibuat bagi menaiktaraf saliran di Bandar Klang.

Pada ketika ini Sungai Kapar Kecil sedang dinaiktaraf dan satu sistem pam berkapasiti tinggi akan dipasang di pintu air Sg Kapar Kecil. Projek ini dijangka siap pada 24 Mac 2019 dengan kos sebanyak RM15,171,529.95. Kerja yang dijalankan ini akan menurunkan paras air di Sungai Kapar Kecil dan seterusnya mengurangkan risiko banjir di lembangan Sungai Kapar Kecil. Juga, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pihak Berkuasa Tempatan akan meneruskan usaha-usaha menaiktaraf sistem saliran dan perparitan melalui RMK-12 dengan anggaran kos fizikal projek sebanyak RM14.8 juta bagi mengatasi banjir di Pekan Meru. Diantara komponen-komponen yang dicadangkan ialah:

- i. Menaiktaraf longkang Jalan Teratai (1.5km), Jalan Meru dan Jalan Bunga Raya (2.0km)
- ii. Pembinaan Kolam Takungan Banjir bersebelahan Jalan Kenangan
- iii. Pembinaan outlet baru dari Kolam Setia Alam

Bagi lembangan Sungai Kapar Besar, Jabatan pengairan dan Saliran telah menaiktaraf Sungai Binjai melalui projek Menaiktaraf Sistem saliran di Kawasan Persiaran Hamzah Alang dimana sungai sediada telah dinaiktaraf sepanjang

3.5km. Skop projek ini juga melibatkan penaiktarafan jambatan-jambatan yang rendah bagi memastikan kelancaran air larian hujan ke hilir. Projek ini telah disiapkan akan siap pada 17 November 2018 dengan kos sebanyak RM17,680,685.55.

Usaha-usaha menaiktaraf pintu air Sg Kapar Besar serta Sg Binjai akan diteruskan pada RMK 12 dengan anggaran kos fizikal projek sebanyak RM49.5 juta. Diantara komponen-komponen yang dicadangkan ialah:

- i. Sistem Pam berkapasiti tinggi dipasang di pintu air Sg Kapar Besar dan menaiktaraf pintu air sediada.
  - ii. Pembinaan 3 kolam takungan banjir di Jalan Paip, Persiaran Hamzah Alang dan dari Bukit Kerayong
  - iii. Menaiktaraf Sungai Binjai sepanjang 3.5km daripada panjang keseluruhan sungai sebanyak 6.5km. Untuk makluman, kerja menaiktaraf Sg Binjai Fasa 1 telah disiapkan sepanjang 3km.
- b) Sistem perparitan dan longkang sediada akan diselenggara secara berkala dan longkang-longkang dan sistem perparitan yang tidak mencukupi dari segi kapasiti akan dinaiktaraf melalui projek-projek infrastruktur samada melalui Pihak Berkuasa Tempatan (MPK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) atau Pejabat Daerah dan Tanah Klang. Kajian menyeluruh akan dibuat dalam RMk-11 bagi menentukan keberkesanan sistem saliran termasuk parit dalaman di kawasan Meru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : KESELAMATAN PELAJAR UITM DENGKIL**

226. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk membina sebuah jejantas pejalan kaki serta 'railing' bagi mengelakkan kemalangan maut melibatkan pelajar di UiTM Dengkil?

**JAWAPAN:**

- a) Jalan yang terlibat merupakan Jalan Persekutuan FT214 dan sehingga kini pejabat ini belum ada sebarang perancangan untuk membina jejatas di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor tiada halangan untuk mengkaji dan menyediakan anggaran kos untuk di pohon kepada Cawangan Jalan Ibu Pejabat JKR Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN**  
**(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : SUKAN SUKMA 2018**

227. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Selangor berpuas hati dengan prestasi atlet SUKMA yang berlangsung di Perak dan apakah usaha untuk memajukan dan memperkasa semua jenis sukan untuk SUKMA yang akan datang?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Majlis Sukan Negeri Selangor berpuas hati dengan pencapaian dan prestasi atlet SUKMA yang berlangsung di Perak sungguhpun Negeri Selangor merupakan kelompok utama (kedudukan 3 teratas). Ini adalah kerana Negeri Selangor sentiasa berada di tahap yang terbaik. Kontinjen Negeri Selangor sentiasa memungut pingat terbanyak dan sentiasa berada di kelompok 5 teratas setiap kali SUKMA diadakan.

Pelbagai perancangan yang telah dibuat oleh pihak Majlis Sukan Negeri Selangor untuk program 2019-2020 dengan memberi tumpuan khas kepada sukan – sukan tumpuan iaitu sukan yang menawarkan pingat yang banyak disamping merancakkan lagi program latihan bagi menyumbang pingat emas dalam Temasya SUKMA 2020 yang akan diadakan di Negeri Johor nanti. Antara perancangan seterusnya adalah pihak Majlis akan memberi banyak kursus dan bengkel kepada jurulatih tentang kepentingan Sains Sukan dalam program latihan dan ini akan dijalankan bersama dengan pihak universiti yang mempunyai pakar – pakar sukan. Selain itu juga, pihak Majlis sedang mengkaji semula elauan atlet yang lebih memberansangkan untuk diperkenalkan kepada atlet -atlet tumpuan. Program tindik juga akan diperbanyakkan lagi pada tahun 2019 nanti supaya atlet – atlet ini menimba pengalaman dan matang dalam kejohanan seterusnya meningkatkan lagi tahap keyakinan diri untuk SUKMA 2020 nanti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : KEMUDAHAN BALAI POLIS**

228. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap kawasan penempatan terancang mempunyai balai polis?
- b) Apakah kriteria yang diperlukan untuk pembinaan balai polis?
- c) Kenapa di Bandar Puncak Alam yang penduduknya melebihi 90,000 orang masih tidak mempunyai kemudahan balai polis?

**JAWAPAN:**

- a) Setiap pemajuan yang dijalankan di Negeri Selangor perlu mematuhi keperluan Manual Garis Panduan Perancangan Negeri Selangor (Edisi 3) dan syarat – syarat penyediaan kemudahan awam termasuk Balai Polis merupakan keperluan di dalam Manual berkenaan. Kerajaan Negeri melalui PBT akan memastikan keperluan ini dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pemaju.
- b) Selain itu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga merujuk dan menggunakan garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri yang merangkumi perkara berikut :
  - i. Norma kepadatan penduduk;
  - ii. Jumlah perjawatan;
  - iii. Luas tapak; dan
  - iv. Keluasan lantai maksimum.

Kedua-dua garis panduan tersebut menggariskan keperluan penyediaan Balai Polis seperti berikut:-

Hierarki	Balai Polis Bandar	Balai Polis Komuniti / Pondok Polis
Tadahan	10,000 – 15,000	5,000 – 10,000
Keluasan	5 – 10 Ekar	2.5 Ekar

- c) Bagi Bandar Puncak Alam, pihak pemaju telah menyediakan tapak bagi tujuan pembinaan balai polis di kawasan pembangunan Eco Grandeur dan Hill Park tetapi pembinaan bangunan tersebut adalah tertakluk kepada agensi yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PERUNTUKAN MARRIS**

229. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Memandangkan peruntukan MARRIS hanya memperbaiki infrastruktur yang sedia ada dan tidak dibenarkan untuk naiktaraf. Adakah Kerajaan Selangor dapat menambah/menukar syarat peruntukan MARRIS dapat digunakan untuk naiktaraf?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman, Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri atau sering dirujuk sebagai peruntukan *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri selaras dengan **Perkara 109 (1) (b) Perlembagaan Persekutuan**. Perbelanjaan peruntukan ini adalah bagi maksud aktiviti penyenggaraan jalan sahaja seperti skop kerja yang dibenarkan di bawah Perenggan 11, Garis Panduan Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan (MOF) dan Perlembagaan Persekutuan.

**Perenggan 3 (b), Bahagian II, Jadual Kesepuluh, Perlembagaan Persekutuan** menjelaskan maksud penyenggaraan jalan negeri seperti berikut:-

“Penyenggaraan jalan-jalan Negeri ertiya pemeliharaan, penjagaan dan pemulihan jalan-jalan Negeri, perabot tepi jalan, jambatan, jejambat atau pembetung yang menjadi sebahagian daripada jalan itu atau yang bersambung dengannya dengan **seberapa hampir yang mungkin dengan keadaan asalnya sebagaimana yang dibina atau sebagaimana yang dibaiki kemudiannya**”.

Berdasarkan kepada fakta dan keterangan ini, Kerajaan Negeri tidak memiliki kuasa untuk menambah atau menukar syarat kegunaan peruntukan MARRIS bagi tujuan naik taraf kerana ia akan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, apa-apa kerja yang melibatkan skop menaik taraf Jalan Negeri akan diurus pembiayaannya menggunakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM**  
**(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN PROJEK PENERAJU BANDAR PINTAR**

230. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat membangunkan projek peneraju (pilot project) baru yang dilengkapi dengan kemudahan dan prasarana berlandaskan aplikasi pintar?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan beberapa projek peneraju yang berlandaskan aplikasi pintar bagi tahun 2017-2018 seperti Selangor Intelligent Transport System (SITS), Community Opinion Online (COOL), Smart Selangor Parking (SSP) dan e-Wallet. Fokus utama pihak kerajaan pada masa ini adalah untuk meluaskan penggunaan aplikasi pintar yang telah dilancarkan di kalangan rakyat dan menambah baik fungsi aplikasi tersebut.

Pada masa yang sama pihak Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sedang membina ekosistem pembangunan aplikasi pintar yang bakal membolehkan usahawan-usahawan, syarikat start up ataupun orang awam utnuk membina aplikasi pintar bagi kemudahan rakyat di Negeri Selangor. Pihak SSDU menjangkakan akan terdapat lebih banyak aplikasi pintar yang bakal dibangunkan oleh pihak-pihak berkenaan pada masa akan datang menerusi ekosistem tersebut. Kaedah pembangunan aplikasi pintar menerusi ekosistem ini bakal membolehkan pembangunan aplikasi yang lebih relevan dan lestari bagi Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN**  
**(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KURSUS PERKAHWINAN**

231. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk mewajibkan setiap pasangan yang sudah berkahwin yang menetap di Selangor mengikuti kursus perkahwinan 5 tahun sekali?

**JAWAPAN:**

- a) Modul Kursus Pasca perkahwinan yang telah dibangunkan mempunyai 4 tahap iaitu:-

<b>Bil</b>	<b>Kategori Perkahwinan</b>	<b>Tempoh Perkahwinan</b>
I.	Bulan Madu	0 – 5 Tahun
II.	Sehati Sejiwa	5 – 10 Tahun
III.	Semarak Kasih	10 – 20 Tahun
IV.	Syurga Cinta	Melebihi 20 Tahun

Setakat ini, Kerajaan Negeri Selangor masih belum bercadang untuk mewajibkan semua yang sudah berkahwin mengikuti kursus tersebut. Walau bagaimanapun, JAIS telah melaksanakan kursus ini sejak tahun 2016 dan sehingga tahun 2018 seramai 193 pasangan suami isteri (386 peserta lelaki dan wanita) telah mengikuti kursus ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN  
(N36 BANDAR UTAMA)**

**TAJUK : `PERSEMPADANAN SEMULA KAWASAN ZON BAWAH KERAJAAN  
TEMPATAN/MAJLIS**

232. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Persempadanan semula DUN telah dijalankan oleh SPR pada PRU lepas lantas menyebabkan perbezaan persempadanan kawasan ZON Ahli Majlis bawah PBT berbeza dengan kawasan DUN. Apakah Kerajaan Negeri akan memastikan persempadanan kawasan DUN dan Kawasan ZON Ahli Majlis akan diselaraskan kembali?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PERKHIDMATAN E-BIL AIR SELANGOR**

233. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan perancangan Air Selangor bagi menggalakkan pelanggan menggunakan perkhidmatan e-bill memandangkan peratusan pelanggan berdaftar e-billing adalah sangat rendah.
- b) Adakah Air Selangor berhasrat mendirikan kios di pihak ketiga seperti KWSP bagi menyenangkan pelanggan menyemak bil air? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga 31 Oktober 2018, jumlah pelanggan yang menggunakan perkhidmatan e-bil iaitu bersetuju untuk menerima bil air melalui emel adalah sebanyak 278,000 pelanggan. Air Selangor melalui Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi melaksanakan aktiviti berterusan bagi meningkatkan peratusan pelanggan berdaftar menggunakan perkhidmatan e-bil. Antara aktiviti – aktiviti yang dilaksanakan secara berterusan adalah seperti berikut :
  - i) Menyediakan maklumat pendaftaran bagi perkhidmatan e-bil yang dicetak di bil bulanan pelanggan.
  - ii) Pendaftaran melalui ‘Applikasi telefon bimbit Air Selangor’.
  - iii) Kempen pendaftaran melalui hebahan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS).
  - iv) Kempen melalui penghantaran e-mel.
  - v) Kempen menggunakan aplikasi Whatsapp.
  - vi) Pendaftaran e-bil di sepuluh (10) kaunter perkhidmatan di pejabat pejabat wilayah Air Selangor.
  - vii) Promosi e-bil kepada pelanggan yang menghubungi Pusat Panggilan.
  - viii) Program Turun Padang dan pembukaan ‘Open Counter’ e-bil.
  - ix) Program kempen e-bil Bersama Persatuan Penduduk dan Badan Pengurusan Bersama (JMB).
- b) Buat masa ini Air Selangor tidak bercadang mendirikan perkhidmatan kiosk dengan pihak ketiga untuk semakan bil air. Selain dari saluran-saluran interaksi sedia ada, Air Selangor juga telah melancarkan perkhidmatan aplikasi telefon

bimbit untuk pelanggan menyemak bil, menyalurkan aduan serta mendapatkan maklumat gangguan bekalan dan lain-lain kemudahan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI PENCHALA**

234. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumber sumber pencemaran untuk Sungai Penchala?
- b) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi pencemaran ini?
- c) Bilakah Sungai Penchala dijangka boleh jernih dan selamat untuk manusia mandi dan main air sungai?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod Lembaga kedudukan Sungai Penchala adalah di kawasan yang pesat membangun di Lembangan Sungai Klang dan ia merupakan salah satu anak sungai utamanya. Selaras dengan itu, degradasi kualiti air Sungai Penchala adalah berpunca daripada beberapa sumber pencemaran yang terdiri daripada tapak pembuangan sampah haram di tebing sungai, pembinaan struktur tanpa kebenaran di rizab sungai, pelepasan sisa industri, aktiviti kerja tanah berhampiran rizab sungai, sisa domestik dan *sullage water* dari kawasan perumahan serta efluen kumbahan dari Loji Rawatan Kumbahan.
- b) Sungai Penchala terletak di dalam Lembangan Sungai Klang di mana satu pelan pengurusan sungai yang dinamakan sebagai Pelan Pengurusan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management*) Sg Klang telah dihasilkan yang merangkumi empat (4) polisi dan 42 strategi yang perlu dilaksanakan oleh pemegang taruh. Polisi-polisi yang telah digariskan ialah Polisi 1: Memastikan Air Mencukupi, Polisi 2: Memastikan Air Bersih, Polisi 3: Mengurangkan Risiko Banjir; dan Polisi 4: Pemuliharaan Alam Sekitar. Strategi-strategi yang dihasilkan ini adalah bertujuan untuk meminimumkan kesan pencemaran yang berlaku di Lembangan Sungai Klang termasuklah Sungai Penchala dari aspek perancangan dan pelaksanaan. Selain itu, pemantauan dan penguatkuasaan berkala juga dilakukan bagi membendung sebarang bentuk pencemaran melalui Pasukan

Petugas Lembangan Sungai Klang. Pewartaan rizab sungai juga dilaksanakan bertujuan untuk mengawal aktiviti-aktiviti di sepanjang 50 meter rizab sungai.

- c) Pemulihan dan pemuliharaan sungai yang telah sedia tercemar memerlukan jangka masa yang lebih lama dan kos yang diperlukan juga agak tinggi. Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh pemegang-pemegang taruh seperti meningkatkan langkah kawalan pencemaran terhadap projek pembangunan, pematuhan terhadap perundungan sedia ada dengan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas mampu mengurangkan risiko pencemaran di Sungai Penchala. Kerjasama daripada pelbagai pihak seperti NGO dan juga penyertaan awam dalam penjagaan sungai dan alam sekitar juga perlu dipertingkatkan dalam memastikan sumber air terpelihara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SEMAKIN BANYAK SEKOLAH MEMINTA BANTUAN DARI ADUN DAN  
AHLI PARLIMEN**

235. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Semakin banyak sekolah meminta bantuan dari Adun dan Ahli Parlimen. Adakah kerajaan akan menambah lagi Peruntukan kepada Adun dan Ahli Parlimen untuk bantuan sekolah-sekolah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 41/2016 yang diadakan pada 14 Disember 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 42/2016 pada 21 Disember 2016 iaitu kepada Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri sebanyak RM1,100,000.00 dan setiap Ahli Dewan Negeri RM800,000.00. Daripada peruntukan ini, sebanyak 30 peratus boleh digunakan untuk tujuan pelaksanaan projek kecil di sekolah dan sumbangan Program Mesra Rakyat kepada sekolah.

Selain peruntukan tersebut, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan untuk Projek Bantuan Sekolah berjumlah RM24 juta setahun untuk diagihkan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina, Sekolah Mualigh dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina.

Bagi Ahli Parlimen pula, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sejumlah RM 2 juta bagi tujuan Program Mesra Rakyat (PMR) yang boleh dioptimumkan penggunaan dengan peruntukan di bawah Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI**  
**(N12 JERAM)**

**TAJUK : BALAI BOMBA & PENYELENGGARAAN KEGUNAAN BOMBA**

236. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap kawasan penempatan terancang mempunyai balai bomba?
- b) Apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian yang terlibat bagi menyediakan kemudahan balai bomba kepada penduduk?
- c) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mewujudkan balai bomba di setiap dun?

**JAWAPAN:**

- a) Setiap pemajuan yang dijalankan di Negeri Selangor perlu mematuhi keperluan Manual Garispanduan Perancangan Negeri Selangor (Edisi 3) dan syarat – syarat penyediaan kemudahan awam termasuk Balai Bomba merupakan keperluan di dalam Manual berkenaan. Kerajaan Negeri melalui PBT akan memastikan keperluan ini dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pemaju.
- b) Berdasarkan Manual berkenaan keperluan penyediaan Balai Bomba dan Penyelamat adalah seperti berikut:-

Kategori A	Kategori B	Kategori C	Kategori D
Disediakan di pusat pentadbiran negara dan negeri, bandar utama dan kawasan zon industri tinggi	Disediakan di pusat pentadbiran daerah, pelabuhan, lapangan terbang, sempadan negara dan kawasan industri sederhana.	Disediakan di kawasan luar bandar, industri kecil, kawasan pulau, peranginan dan daerah pentadbiran baru	Disediakan di kawasan risiko rendah, pekan – pekan kecil, kawasan berisiko yang mempunyai tapak tanah terhad atau kawasan tumpuan ramai
6 Ekar	4-6 Ekar	4-6 Ekar	Minima 1 Ekar

- c) PBT selaku Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hanya menyediakan tapak manakala pembinaan bangunan dan anggota adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : EKONOMI**

237. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah bajet keseluruhan bagi pentadbiran Negeri Selangor untuk tahun 2019?
- b) Bilakah Kerajaan Negeri boleh menyelesaikan hutang negeri kepada Kerajaan Persekutuan?
- c) Berapakah hasil pendapatan keseluruhan dari anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Maklumat Anggaran Perbelanjaan bagi pentadbiran Negeri Selangor untuk tahun 2019 adalah berstatus embargo sehingga pembentangan Belanjawan 2019 Negeri Selangor pada 23 November 2018.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan juga akan disediakan secukupnya dalam Anggaran Belanjawan Tahunan.

Bagi Tahun 2018, bayaran balik pinjaman telahpun dilunaskan kepada Kerajaan Persekutuan mengikut jadual yang telah ditetapkan dengan jumlah sebanyak RM11,951,181.79 seperti perincian berikut:

- (i) Projek Bekalan Air : RM5,314,099.60;
- (ii) Skim Amanah Saham Selangor : RM1,893,379.46; dan
- (iii) Projek Peluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya Selangor : RM4,743,702.73.

c)

Bil	Nama Syarikat (a)	Hasil Pendapatan (RM) 31 Disember 2017 ( Audit/Deraf Audit)	
		Kumpulan	Syarikat
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	-	301,691,406
<b>ANAK SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN MBI</b>			
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	2,254,996,000	26,524,000
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	56,746,241	52,542,186
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	3,233,755	3,233,755
4	Tourism Selangor Sdn Bhd	6,455,659	6,455,659
5	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	Tiada kaitan	128,081,945
6	Bukit Beruntung Golf & Country Resort	Tiada kaitan	600,000
7	Communication Corporation Sdn Bhd	Tiada kaitan	16,805,686
8	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd	Tiada kaitan	105,061,491
9	Inpen (Selangor) Sdn Bhd	Tiada kaitan	8,408,921
10	Invest Selangor Berhad	Tiada kaitan	20,994,839
11	Rantaian Mesra Sdn Bhd	Tiada kaitan	583,228
12	Yayasan Warisan Anak Selangor	Tiada kaitan	2,094,249
13	Yayasan Hijrah Selangor	Tiada kaitan	13,170,050
14	SRM Setia Sdn Bhd	Tiada kaitan	25,214,215
15	Smartsel Sdn Bhd	Tiada kaitan	-
16	Landasan Lumayan Sdn Bhd	Tiada kaitan	-
17	KDEB Waste Sdn Bhd	89,842,971	78,126,753
18	Darul Ehsan Investment Group Berhad	-	-
19	SSDU Innovations sdn Bhd	Ditubuhkan pada Mac 2018	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : HASIL NEGERI**

238. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan hasil negeri yang berjaya di kutip setakat ini.
- b) Apakah langkah-langkah inisiatif pembaharuan Kerajaan Negeri untuk menambah dan meningkatkan kutipan sumber hasil negeri dengan kebih berkesan lagi?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kutipan hasil negeri yang berjaya dikutip sehingga 31 Oktober 2018 ialah berjumlah RM1,756,617,660.48.
- b) Di antara langkah-langkah inisiatif pembaharuan Kerajaan Negeri untuk menambah dan meningkatkan kutipan sumber hasil negeri dengan lebih berkesan lagi adalah :

i. Cadangan Pelaksanaan Permit Khas

Cadangan Pelaksanaan Permit Khas sebagai kebenaran penggunaan sementara tanah pertanian yang digunakan selain daripada tujuan pertanian (Perniagaan / Industri Ringan) di Negeri Selangor. Permit Khas ini akan memberikan kebenaran ke atas aktiviti-aktiviti tertentu yang tiada berkaitan dengan pertanian atau ke atas mana-mana bangunan yang didirikan di atas tanah pertanian tidak terhad kepada menara telekomunikasi dan papan iklan. Kelulusan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran Permit Khas.

ii. Pajakan Tanah Rizab Negeri

Terdapat tanah Kerajaan yang berpotensi untuk dipajak mengikut Seksyen 63, KTN 1965 seperti arahan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pembangunan Tanah dan Sumber Alam bil. 3/2016. Permohonan ini diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Negeri yang membolehkan pemohon mengusahakan tanah tersebut bagi maksud tertentu dalam tempoh maksimum 21 tahun. Kelulusan pajakan ini akan membolehkan Kerajaan Negeri memperoleh hasil melalui bayaran sewaan dan cukai

tanah tahunan.

iii. Cukai Petak Bangunan Strata

Pelaksanaan kadar cukai petak dan pengenaan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata ke atas kaedah-kaedah hakmilik strata Negeri Selangor selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) bagi semua daerah di Negeri Selangor yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2018.

iv. Kutipan royalti bagi kayu palma, pokok kelapa, dan kayu getah oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Memperkenalkan Caj Fi Bagi Pokok Getah, Kelapa Sawit dan Kelapa di dalam tanah diberimilik dan tanah Kerajaan seperti mana dalam Keputusan Majlis Tanah Negara ke-71. Perkara ini sedang diseragamkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

v. Cadangan bagi semakan semula kadar pemberian Persekutuan

a. Cadangan meningkatkan nilai siling yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (TAHAP). Ini adalah kerana terdapat pertambahan projek-projek yang dikemukakan oleh jabatan terlibat seperti JKR, JPS, Jabatan Pertanian dan JAIS dari tahun ke tahun tetapi tidak dapat menuntut secara maksimum walaupun terdapat pertambahan projek akibat daripada nilai siling yang ditetapkan;

b. Cadangan meningkatkan kadar pampasan tanah bagi pemberian khas kehilangan Wilayah Persekutuan dan Putrajaya mengikut nilai tanah semasa. [Akta Wilayah Persekutuan 1982, Perjanjian Kuala Lumpur 1974, Akta Perbadanan Putrajaya 1995 Pindaan 2002) dan Perjanjian Putrajaya 1995];

vi. UPEN sedang dalam proses akhir bagi memuktamadkan pelaksanaan Akta 795 berkaitan *Access Benefit Sharing* (ABS) yang bertujuan untuk memastikan sumber *biodiversity* yang diperolehi dipantau dan dikongsi bersama sekiranya hasil R&D dikomersialkan seperti ubat dan barang kosmetik. Kerajaan Negeri akan diberikan kuasa untuk mengeluarkan permit mengikut permohonan.

Akta ini dijangka berkuatkuasa pada akhir tahun 2018 dan Kerajaan Negeri akan bertindak sebagai Pihak Berkuasa yang mengeluarkan permit sama ada untuk tujuan komersial atau bukan komersial. Sekiranya dilaksanakan, UPEN selaku penyelaras akan mengenakan bayaran permit bagi setiap permohonan yang berkaitan R&D.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : PASAR**

239. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada rancangan terkini kerajaan untuk menaiktaraf atau membaik pulih pasar basah di pekan Semenyih dan pekan Beranang?
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan kerajaan bagi mengawal kebersihan dan penularan penyakit di setiap pasar-pasar basah dan pasar borong di Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak MPKj tiada sebarang perancangan untuk menaiktaraf pasar-pasar tersebut. Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelenggaraan berkala akan dilakukan.
- b) Tuan Speaker,

**Bahagian Keselamatan Dan Kualiti Makanan (BKKM), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor**

Di antara langkah mengawal penyakit yang berpunca daripada makanan yang tidak selamat dari pasar-pasar basah dan pasar borong, BKKM menjalankan pensampelan penguatkuasaan dan juga pensampelan surveillance bagi pelbagai jenis komoditi makanan (sayur-sayuran, buah-buahan, ikan dan hasilan ikan, daging dan hasilan daging dan susu segar) setiap tahun di seluruh negeri Selangor.

Pada tahun 2018, sebanyak 148 sampel telah diambil di beberapa pasar basah dan pasar borong di Selangor. Parameter analisis melibatkan residu racun makhluk perosak, residu dadah berjadual, logam berat serta mikroorganisma.

**Bahagian Kesihatan Awam (Unit Kawalan Penyakit Berjangkit), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor**

Sehingga kini, tiada kes penyakit berjangkit yang dilaporkan mempunyai faktor risiko yang berkaitan dengan pasar basah atau borong. Walau bagaimanapun, sekiranya kebersihan tidak dijaga dan persekitaran yang kotor dengan kehadiran tikus, ini boleh meningkatkan risiko untuk mendapat jangkitan Leptospirosis. Promosi kesihatan dan kebersihan persekitaran dilakukan secara berkala melibatkan pasukan kesihatan dan pihak berkuasa tempatan.

\*untuk makluman jabatan ini tidak membuat pemeriksaan kebersihan terhadap premis menjual bahan mentah (sayur, ikan, daging, ayam) di pasar basah atau pasar borong. Jabatan ini menjalankan aktiviti pensampelan makanan. Pemantauan kebersihan pasar basah dan pasar borong lebih kepada peranan PBT.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK : GURU KAFA DI NEGERI SELANGOR**

240. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapakah jumlah Guru-Guru KAFA terkini dan sumber penggajian mereka?
- Berapakah jumlah Guru-Guru KAFA Negeri Selangor yang layak dilantik ke jawatan tetap?
- Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk tingkatkan keupayaan P&P guru-guru terbabit & seterusnya menaja pendidikan mereka di peringkat diploma?

**JAWAPAN:**

- Jumlah guru KAFA Selangor seramai 6,900 orang. Berikut merupakan sumber penggajian guru KAFA:

JUMLAH GURU	SUMBER PENGGAJIAN			JUMLAH (RM)
	LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (RM)	KERAJAAN NEGERI (RM)	JAKIM (RM)	
4,200 Orang	338.00	1,012.00	-	1,350.00 (5 tahun pertama)
	338.00	1,062.00	-	1,400.00 (5 tahun kedua)
	338.00	1,112.00	-	1,450.00 (5 tahun ketiga)
	338.00	1,162.00	-	1,500.00
2,700 Orang	338.00	212.00	900.00	1,450.00
	338.00	262.00	900.00	1,500.00
	338.00	312.00	900.00	1,550.00
	338.00	362.00	900.00	1,600.00

- b) Perlantikan ke jawatan tetap mengikut kekosongan waran sedia ada.
- c) Kerajaan memang sedang dan telah bekerjasama dengan KUIS, UNISEL, KOPEDA dan UPSI dalam menyediakan peluang untuk guru KAFA pada peringkat diploma tanpa pembiayaian.